

KEMAHIRAN EMPLOYABILITY:TANGGAPAN GURU TERHADAP PENERAPANNYA DI SEKOLAH SATU KAJIAN KES

Yahya bin Buntat,
Zakaria Mohd. Yusof &
Meor Ibrahim Kamaruddin
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Penulisan ini adalah merupakan dapatan kajian yang diperolehi dari satu kajian kes yang telah dijalankan untuk mendapatkan pandangan daripada pihak guru-guru kemahiran hidup pertanian mengenai penerapan aspek kemahiran “employability” semasa mereka mengajar di sekolah. Sampel kajian ini terdiri daripada 30 orang guru-guru kemahiran hidup yang sedang mengajar mata pelajaran kemahiran hidup pertanian di sekolah-sekolah menengah daerah Pontian. Hasil kajian ini mendapati keseluruhan guru-guru kemahiran hidup pertanian di sekolah-sekolah menengah daerah Pontian bersetuju bahawa mereka telah menerapkan aspek kemahiran “employability” semasa mereka mengajar di sekolah. Bagaimanapun keseluruhan guru-guru menyetujui bahawa dalam usaha mereka menerapkan aspek kemahiran “employability” tersebut mereka menghadapi pelbagai halangan yang wujud yang ada hubungkait dengan faktor kurikulum, faktor pentadbiran dan juga faktor guru. Beberapa cadangan diberikan bagi memantapkan lagi usaha penerapan yang telah dilaksanakan.

Pengenalan

Di sekolah guru bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan dan juga pelbagai kemahiran asas untuk membentuk serta membina sahsiah seseorang individu, supaya mereka berpengetahuan asas untuk menjalani penghidupan seharian. Secara sedar atau tidak, pihak guru dalam proses pengajaran dan penyampaian ilmu pengetahuan kepada para pelajarnya samada di bilik darjah mahupun luar bilik darjah, sebenarnya mereka telah menerapkan pelbagai aspek pengetahuan dan kemahiran termasuklah aspek kemahiran *employability* yang akan dipaparkan dalam penulisan ini.

Secara umumnya, apa yang dimaksudkan dengan kemahiran *employability* ialah merupakan aspek kemahiran *soft skill* atau kemahiran “bukan teknikal” yang merupakan kemahiran-kemahiran penting diketahui dan dimiliki oleh para pelajar hari ini, bagi

mbolehkan mereka menjadi insan yang trampil dalam dunia pekerjaan yang akan dialami. Tidak ramai guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah tahu akan kepentingan dan keujudan aspek kemahiran *employability* kerana kurangnya pendedahan terhadap aspek kemahiran *employability*. Lagi pun, kebanyakan aspek-aspek kemahiran tersebut telah diintegrasikan dalam kemahiran-kemahiran khusus atau nilai-nilai tertentu seperti nilai-nilai murni yang terdapat dalam falsafah pendidikan negara kita hari ini.

Pihak guru juga wajar tahu bahawa aspek kemahiran *employability* adalah satu aspek kemahiran yang dapat memperlengkapkan diri para pelajar ke arah perlakuan dan tindakan yang lebih sempurna dan berwibawa. Ini jelas kita lihat dari beberapa definisi kemahiran *employability* seperti yang diutarakan oleh The Conference Board of Canada (1996) dalam satu artikel yang bertajuk; “Yukon Work Future: Skills for Today’s Workplace“ mendefinisikan kemahiran *employability* sebagai satu istilah yang digunakan untuk menjelaskan kemahiran dan juga kualiti individu yang dikehendaki oleh para majikan terhadap pekerja baru apabila mereka mula bekerja. Kemahiran-kemahiran dan juga kualiti individu yang diperlukan ini adalah berguna kepada semua pihak, tidak kira dalam bidang usaha secara kecil-kecilan, mahu pun bidang usaha berskala besar, atau dalam kerajaan. Kemahiran *employability* adalah kemahiran yang boleh dipindahkan dari satu bidang kerja ke satu bidang kerja lain. Ia tidak meliputi kemahiran kualiti yang diperlukan oleh sesuatu bidang pekerjaan yang khusus sahaja, malah merangkumi semua bidang kerjaya.

Gainer (1998) pula telah memberikan definisi kemahiran *employability* sebagai Ketrampilan Individu: yang meliputi kemahiran komunikasi, kemahiran komputer, dan kemahiran berbudaya, Kemahiran Kebolehpercayaan Individu: yang meliputi pengurusan individu, beretika, dan kematangan vokasional, Kemahiran Pengubahsuaian Ekonomi: yang meliputi kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran belajar, dan juga pembangunan kerjaya. Lankard (1990) pula mendefinisikan kemahiran *employability* meliputi gambaran personal, kemahiran interpersonal dan juga sikap dan tingkahlaku yang baik. Manakala Saterfiel et. all (1995) memberi pengertian kemahiran *employability*

merujuk kepada kemahiran-kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi dan juga memperlengkapkan keperluan pekerjaan.

Bagi tujuan kajian serta penulisan ini, aspek kemahiran *employability* yang ingin dilihat adalah berdasarkan sembilan elemen kemahiran *employability* berikut iaitu kemahiran komunikasi, kemahiran berfikir secara kritikal, kemahiran penyelesaian masalah, kemahiran matematik, kebolehan bersikap positif, kebolehan bertanggung-jawab, kebolehan membuat penyesuaian, kebolehan bekerja dengan orang lain, dan juga kebolehan melibatkan diri dalam sesuatu projek atau tugas.

Dari beberapa definisi dan huraian di atas dapatlah diperlihatkan pola-pola atau bentuk-bentuk kemahiran *employability* yang ingin dikenalpasti penyelidik dan seterusnya digunakan dalam kajian ini. Hasil kajian ini nanti akan dapat maklumat dan maklum balas dari para guru yang mengajar mata pelajaran kemahiran hidup pertanian khususnya berkaitan dengan tanggapan mereka terhadap usaha mereka menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam mata pelajaran yang mereka ajar.

Objektif Kajian

Secara umumnya matlamat kajian ini ialah untuk melihat setakat manakah guru-guru mata pelajaran kemahiran hidup pertanian di sekolah-sekolah menengah dapat menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam amalan pengajaran mereka di sekolah.

Secara khusus objektif kajian ini ialah:

1. meninjau setakat manakah guru-guru kemahiran hidup pertanian telah menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam mata pelajaran kemahiran hidup pertanian dalam pengajaran mereka di sekolah.
2. meninjau permasalahan atau halangan yang dihadapi oleh guru-guru kemahiran hidup pertanian dalam usaha mereka menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam pengajaran mereka di sekolah.

Kaedah Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian berbentuk diskriptif "survey." Kerlinger (1964) menyatakan bahawa data yang didapati melalui kaedah "survey" lazimnya tepat, dalam lingkungan *sampling error*, dengan faktor kebolehpercayaan ke aras .80.

Sampel kajian ini terdiri daripada guru-guru mata pelajaran kemahiran hidup pertanian yang sedang mengajar di sekolah-sekolah menengah daerah Pontian Johor. Seramai 30 orang guru kemahiran hidup pertanian telah berjaya dilibatkan dalam kajian ini. Penetapan jumlah sampel adalah berdasarkan formula Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel kajian dijalankan secara rawak mudah.

Alat penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Menurut Mohd. Majid (1990) soal selidik merupakan alat ukur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang tepat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan dan sebagainya. Soal selidik lebih praktikal dan berkesan serta dapat mencapai tujuan kajian dengan perbelanjaan yang sederhana. Item-item soal selidik direkabentuk menggunakan skala likert lima mata. Skala likert amat sesuai digunakan kerana menurut Keevas (1988) skala likert ini dikatakan lebih stabil untuk digunakan bagi mengukur sikap dalam pelbagai situasi dan keadaan. Ia juga boleh digunakan untuk mengukur kedua-dua arah sikap iaitu sikap positif dan negatif dan juga kekuatan sikap responden terhadap sesuatu pernyataan yang dikemukakan.

Satu set kertas soal selidik yang mengandungi tiga bahagian telah dibentuk. Bahagian A mengandungi soalan-soalan yang menyentuh aspek demografi responden. Bahagian B terdiri daripada soalan-soalan yang berkaitan dengan penerapan aspek-aspek kemahiran *employability* oleh guru-guru. Bahagian C pula adalah soalan-soalan berkaitan dengan permasalahan atau halangan-halangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam usaha mereka menerapkan aspek kemahiran *employability* semasa pengajaran mereka di sekolah.

Soalan berkaitan dengan usaha penerapan oleh guru-guru diukur menggunakan skala likert lima mata seperti berikut: 5 = Tiap Kali (TK); 4 = Sering Kali (SK); 3 = Tidak Pasti (TP); 2 = Ada Kala (A); 1 = Tidak Pernah (TPH). Manakala soalan-soalan berkaitan dengan permasalahan atau halangan-halangan yang dihadapi oleh guru-guru dalam usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* diukur sebagaimana berikut: 5 = Amat Setuju (AS); 4 = Setuju (S); 3 = Tidak Pasti (TP); 2 = Tidak Setuju (TS); 1 = Amat Tidak Setuju (ATS). Data-data kajian yang diperolehi diproses menggunakan perisian *SPSS ver10.0 for window* dan dianalisis menggunakan peratusan, min, sisihan piawai, dan juga rank.

Keputusan Kajian

Latar Belakang Responden

Jadual 1 menunjukkan maklumat demografi dalam kajian ini. Dalam kajian ini, dari segi jantina bilangan guru lelaki adalah sebanyak (53.3%), manakala guru perempuan adalah seramai (46.7%).Sebahagian besar (36.7%) guru adalah mereka yang berkeelayakan sarjana muda dan juga sijil perguruan. Hanya seramai (20.0%) yang berkeelayakan diploma, sementara (6.6%) adalah terdiri daripada mereka yang berkeelayakan sarjana. Separuh (50.0%) daripada guru-guru tersebut adalah terdiri daripada mereka yang berpengalaman mengajar bidang kemahiran hidup pertanian antara 11 – 20 tahun dan diikuti (23.3%) lagi adalah mereka yang mempunyai pengalaman mengajar kurang daripada 10 tahun. Lebih daripada separuh (56.7%) guru-guru kemahiran hidup pertanian dalam kajian ini telah pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan yang melebihi tujuh kali. Manakala (23.3%) pendidik terdiri daripada mereka yang hanya telah mengikuti kursus sebanyak 1 - 3 kali, dan selebihnya (20.0%) lagi telah mengikuti kursus sebanyak 4 - 6 kali sepanjang perkhidmatan mereka.

Jadual 1: Maklumat Dan Latar Belakang Responden

Maklumat Latar Belakang		Bilangan	Peratus
1. Jantina	a) Lelaki	16	53.3
	b) Perempuan	14	46.7
2. Kelayakan akademik	a) SPM/MCE	0	0
	b) Sijil Perguruan	11	36.7
	c) Diploma	6	20.0
	d) Sarjana Muda	11	36.7
	e) Sarjana	2	6.6
3. Pengalaman Mengajar	a) Kurang dari 10 tahun	8	26.7
	b) Antara 11 – 20 tahun	15	50.0
	c) 20 tahun ke atas	7	23.3
4. Bilangan kursus dalam perkhidmatan	a) 1 - 3 kursus	7	23.3
	b) 4 - 6 kursus	6	20.0
	c) 7 dan ke atas	17	56.7

$n=30$

Objektif 1: Meninjau setakat manakah guru-guru kemahiran hidup pertanian telah menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam mata pelajaran kemahiran hidup pertanian dalam pengajarannya di sekolah.

Jadual 2: Skor Min Bagi Tiga Aspek Kemahiran *employability* Utama Dan Secara Keseluruhan Yang Diterapkan Oleh Guru-Guru.

	Aspek Kemahiran <i>Employability</i>	Skor Min	Sisihan Piawai
1	Kemahiran Akademik	3.45	0.59
2	Kemahiran Mengurus Diri	3.80	0.64
3	Kemahiran Berpasukan	3.78	0.63
	Kemahiran <i>Eemployability</i> Keseluruhan	3.64	0.57

$n=30$

Keseluruhan guru-guru kemahiran hidup pertanian menyetujui bahawa mereka sedikit sebanyak telah menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam proses pengajarannya. Dari tiga aspek kemahiran *employability* yang dikaji dalam kajian ini, min yang tertinggi bagi aspek kemahiran *employability* utama (kemahiran akademik, kemahiran mengurus

diri, dan kemahiran berpasukan) adalah kemahiran mengurus diri 3.80, diikuti dengan 3.78 bagi kemahiran berpasukan, dan 3.45 bagi akademik. Min kemahiran *employability* secara keseluruhan pula ialah 4.33.

Kajian ini juga mendapati guru-guru kemahiran hidup pertanian telah memilih elemen berikut sebagai elemen aspek kemahiran *employability* yang sering mereka serapkan semasa mereka mengajar mengikut urutan tertinggi hingga terendah.

Rank Kedudukan Sembilan Elemen Kemahiran “Employability” Yang Diserapkan Oleh Guru-Guru Mengikut Turutan Tertinggi Hingga Terendah

Rank	Elemen Kemahiran “Employability”
1	Kebolehan bekerja dengan orang lain
2	Kebolehan bertanggungjawab
3	Kebolehan bersikap dan tingkahlaku positif
4	Penyelesaian masalah
5	Kemahiran komunikasi
6	Kebolehan membuat penyesuaian
7	Kebolehan melibatkan diri dalam sesuatu projek dan tugas
8	Berfikir secara kritikal
9	Matematik

Objektif 2: Meninjau permasalahan atau halangan yang dihadapi oleh guru-guru kemahiran hidup pertanian dalam usaha mereka menerapkan aspek kemahiran ”employability” dalam pengajarannya di sekolah.

Jadual 3: Analisis Skor Min Setiap Permasalahan Atau Kekangan Yang Dihadapi oleh Guru Berdasarkan Tiga Kategori Utama.

	Permasalahan Yang Dihadapi	Skor Min	Sisihan Piawai
--	----------------------------	----------	----------------

1	Kurikulum	3.26	0.80
2.	Pentadbir	2.95	0.92
3	Guru	2.81	1.01
	Masalah Penerapan Keseluruhan	3.03	0.80

Dari segi permasalahan didapati hampir keseluruhan guru-guru menyetujui mereka menghadapi pelbagai permasalahan atau halangan dalam usaha mereka menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam pengajarannya. Ini jelas dilihat dari dapatan kajian permasalahan yang dihadapi secara keseluruhan dengan min yang diperolehi 3.03. Kajian ini juga mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* semasa pengajaran mereka ialah faktor kurikulum dengan min 3.26, diikuti faktor pentadbir 2.95, dan seterusnya faktor guru itu sendiri min 2.81. Secara ringkasnya guru-guru kemahiran hidup pertanian telah memilih aspek-aspek berikut adalah merupakan aspek-aspek permasalahan yang harus diberi perhatian bagi membantu usaha mereka melaksanakan proses penerapan aspek kemahiran *employability* dalam pengajaran mereka di sekolah.

Rank Kedudukan Sepuluh Permasalahan Atau Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru Semasa Menerapkan Aspek Kemahiran *employability* Mengikut Turutan Tertinggi Hingga Terendah

Rank Permasalahan Yang Dihadapi

- 1 Tiada isi kandungan secara khusus berkaitan aspek kemahiran *employability* dalam kurikulum mata pelajaran yang diajar.
2. Tiada arahan dari pihak berkuasa untuk menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam pengajaran.
 1. Kandungan kurikulum tidak menitikberatkan aspek kemahiran *employability*
 2. Tiada sukatan yang khusus untuk menerapkan aspek kemahiran *employability* semasa pengajaran.

5. Tidak tahu kepentingan berkaitan dengan aspek kemahiran *employability*
6. Tidak ada panduan khusus untuk menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam pengajaran.
1. Kesuntukan masa untuk menerapkan aspek kemahiran *employability* semasa pembelajaran.
8. Tidak mendapat kefahaman yang jelas berkaitan dengan aspek kemahiran *employability*.
9. Tidak mendapat pendedahan berkaitan dengan aspek kemahiran *employability*.
10. Tidak ada peperiksaan berkaitan dengan aspek kemahiran *employability*

Rumusan Dan Cadangan

Kajian ini pada amnya mendapati guru-guru menganggap mereka telah dapat mengenalpasti aspek-aspek kemahiran *employability* dan telah menerapkan sebahagian aspek kemahiran *employability* yang perlu dalam proses pengajarannya di sekolah. Walau bagaimanapun kajian ini mendapati tahap kefahaman dan juga keupayaan guru dalam usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* ini masih rendah dan perlu diberi bantuan atau galakan serta sokongan yang sewajarnya.

Kajian ini juga mendapati bahawa dari tiga aspek kemahiran *employability* utama yang dikaji (kemahiran akademik, kemahiran mengurus diri, dan juga kemahiran berpasukan, didapati guru-guru kurang memberi perhatian terhadap kemahiran akademik terutama sekali aspek sub-skala yang berkaitan dengan kemahiran matematik dan kebolehan berfikir secara kritikal. Keuda-dua aspek kemahiran tersebut adalah merupakan aspek kemahiran *employability* yang amat penting bagi membentuk keupayaan seseorang individu untuk membolehkan mereka lebih berdaya maju dan dapat bersaing dalam dunia pekerjaan yang semakin mencabar ini.

Dalam usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* ini, guru-guru juga telah mengakui bahawa mereka menghadapi pelbagai permasalahan dan juga halangan-halangan yang menyebabkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas tersebut dengan begitu jelas. Antara permasalahan utama yang dihadapi oleh guru terutamanya adalah masalah berkaitan dengan kurikulum pendidikan pertanian itu sendiri yang tidak mengandungi aspek kemahiran *employability* secara khusus, tiada sukatan khusus, dan tidak menitik beratkan aspek kemahiran *employability*". Kedua masalah yang ada hubungkait dengan pihak pentadbir yang meliputi masalah tiadanya arahan untuk usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam pengajaran, tiada peperiksaan, dan tidak tahu akan kepentingan aspek kemahiran *employability*. Ketiganya masalah yang berkaitan dengan faktor guru itu sendiri yang tidak mendapat kefahaman yang jelas, tidak mendapat pendedahan berkaitan aspek kemahiran *employability*, tidak ada panduan khusus untuk proses penerapan dan juga kesuntukan masa untuk menerapkan aspek kemahiran *employability* semasa proses pengajaran.

Implikasi dari kajian ini dapat dilihat bahawa guru-guru menyedari akan kepentingan aspek kemahiran *employability* dan telah berusaha menerapkan aspek tersebut dalam pengajaran. Bagaimanapun usaha mereka tidaklah begitu berkesan lantaran terdapat pelbagai masalah dan halangan yang dihadapinya. Sokongan dari semua pihak terutama pihak kementerian pendidikan amat-amat diperlukan agar aspek kemahiran *employability* dapat diberi perhatian dalam sistem pendidikan kita satu hari nanti bagi memperlengkapkan kemahiran "hard skills" dengan kemahiran *soft skills*.

Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi cadangan-cadangan berikut dikemukakan:

1. Guru-guru hendaklah berusaha mencari jalan dan cara yang sesuai agar mereka dapat meningkatkan kefahaman dan juga pengetahuan aspek kemahiran *employability* yang mereka rasakan perlu untuk diserapak dalam pengajaran.
2. Guru-guru juga haruslah berusaha untuk cuba mengatasi permasalahan-permasalahan yang dihadapi dalam usaha menerapkan aspek kemahiran *employability* dalam proses pengajaran mereka.
3. Pihak pentadbir pula haruslah memberikan sokongan dan juga bantuan kepada para guru dengan cara menghantar mereka menghadiri kursus-kursus tambahan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka terutama dari segi kemahiran *employability*.
4. Pihak kementerian juga harus melihat aspek kemahiran *employability* secara positif dan berusaha untuk memperkenalkan dan memperluaskannya dalam sistem pendidikan sebagaimana kemahiran-kemahiran lain seperti kemahiran generik, kemahiran teknikal dan juga nilai-nilai murni.
5. Pihak kementerian juga harus memberi galakan dan sokongan kepada para penyelidik untuk mengkaji dan melihat kepentingan aspek kemahiran *employability* serta keberkesanan dalam amalan pengajaran guru di sekolah-sekolah.

Lampiran 1

Jadual 4: Min, Sisihan Piawai Dan Rank Setiap Elemen Aspek Kemahiran *Employability* Bagi Guru-Guru.

Kemahiran <i>Employability</i>	Sub-skala	Min	S.D	Rank
Akademik	Komunikasi	3.66	0.65	5
	Kritikal	3.27	0.89	8
	Penyelesaian masalah	3.70	0.63	4
	Matematik	3.24	0.75	9
Mengurus Diri	Sikap positif	3.88	0.59	3
	Tanggungjawab	4.01	0.67	2
	Penyesuaian	3.50	0.83	6
Kemahiran Berpasukan	Bekerja dengan orang lain	4.03	0.64	1
	Penglibatan dalam projek	3.47	0.88	7
Kemahiran <i>Employability</i> Keseluruhan		3.64	0.57	

n=30

Lampiran 2

Jadual 5: Taburan Min, Sisihan Piawai, dan Rank Aspek Kemahiran *Employability* Yang Diterapkan Oleh Guru-Guru Semasa Mereka Mengajar.

Bi l	Item Kemahiran <i>Employability</i>	Mi n	S.D	Rank
1.	Berpelakuan secara jujur, ikhlas dan beretika	4.1	.76	3

		0		
2.	Kebolehan bekerjasama	3.3 0	.92	38
3.	Mengguna teknologi, peralatan dan juga sistem maklumat secara berkesan	3.3 0	.95	39
4.	Membuat sesuatu keputusan	3.8 0	1.00	14
5.	Mengurus masa	3.5 3	1.04	26
6	Berfikir secara kritikal dan bertindak secara munasabah	3.4 3	1.04	31
7.	Merancang dan mengurus kewangan dan sumber alam yang lain	3.5 3	.97	24
8.	Bersifat kreatif	3.5 0	1.17	28
9.	Bekerja dalam satu pasukan	3.3 0	.99	40
10.	Bersikap positif terhadap sesuatu perubahan	3.2 0	1.21	42
11.	Mendisplinkan diri sendiri	3.8 3	.79	11
12.	Menerima dan belajar dari kesilapan	3.2 7	1.01	41
13.	Mengurus diri	3.5 3	1.01	13
14.	Memilih, menggunakan alat dan teknologi yang sesuai	3.7 3	.83	16
15.	Menyelesaikan masalah	3.6 0	.93	15
16.	Bertanggungjawab ke atas tindakan yang diambil	3.4 7	1.01	29
17.	Memberi penerangan yang jelas	3.7 3	1.10	34
18.	Menghormati pemikiran dan pendapat orang lain dalam sesuatu kump	3.1 0	1.06	44
19.	Membuat perundingan dengan orang lain	2.8	1.00	46

		0		
20.	Mengenal pasti sumber maklumat	3.5 0	.86	27
21.	Merancang, mereka bentuk sesuatu projek dengan objektif yang jelas	3.0 3	1.03	45
22.	Berdaya saing	4.1 0	.66	4
23.	Mengikuti arahan yang diberikan	3.8 7	.78	10
24.	Bergaul dengan orang lain	3.1 0	1.03	43
25.	Bekerja mengikut tahap kualiti yang ditetapkan	3.6 3	1.03	25
26.	Bersifat fleksibal	3.9 7	.96	7
27.	Mengenal pasti idea utama	4.0 7	.96	5
28.	Mengkaji dan menilai masalah	3.7 0	.99	18
29.	Membuat anggaran	3.8 3	1.21	13
30.	Membuat pemerhatian	3.8 3	1.09	12
31.	Peka terhadap isu-isu persekitaran	3.9 0	1.03	9
32.	Mempamerkan keyakinan diri	3.9 0	.76	8
33.	Menyusun keutamaan	3.5 7	.97	23
34.	Menghargai diri sendiri	3.4 0	1.04	33
35.	Membuat penyeliaan sesuatu projek secara berterusan	3.6 3	1.10	20
36.	Menjelaskan idea utama	3.3 3	1.06	36
37.	Mencari dan mengguna pengetahuan khusus daripada pelbagai bidang	3.4 7	1.07	30

38.	Menukar, membanding, menghitung dengan unit pengiraan biasa	3.8 0	1.03	15
39.	Membaca ukuran atau peralatan mengukur	4.2 3	.73	2
40.	Membezakan antara fakta dan pendapat	3.4 3	1.14	32
41.	Mengurus beban kerja	4.0 7	.97	6
42.	Menghitung peratusan	4.4 7	.57	1
43.	Menyelesai, menggunakan perkadaran dan juga pecahan	3.3 3	.99	35
44.	Menyesuaikan perbezaan peraturan	3.7 0	.92	44
45.	Menterjemah tulisan atau pernyataan sebutan ke dalam ungkapan matematik	3.6 0	1.13	22
46.	Bertindak tanpa pertolongan orang lain	3.3 3	1.09	37

$n=30$

Lampiran 3

Jadual 6: Analisis Skor Min Setiap Permasalahan Atau Kekangan Yang Dihadapi Oleh Guru-Guru.

Permasalahan Yang Dihadapi	Min	S.D	Rank
----------------------------	-----	-----	------

Kurikulum	1. tiada isi kandungan secara khusus berkaitan aspek kemahiran <i>employability</i> dalam kurikulum mata pelajaran yang diajar.	3.43	.68	1
	2. kandungan kurikulum tidak menitikberatkan aspek kemahiran <i>employability</i>	3.20	1.09	3
	3. tiada sukatan yang khusus untuk menerapkan aspek kemahiran <i>employability</i> semasa pengajaran	3.17	.98	4
Pentadbir	1. tiada arahan dari pihak berkuasa untuk menerapkan aspek kemahiran <i>employability</i> dalam pengajaran	3.20	.96	2
	2. tidak ada peperiksaan berkaitan aspek kemahiran <i>employability</i>	2.83	1.08	10
	3. tidak tahu kepentingan berkaitan dengan aspek kemahiran <i>employability</i>	3.10	1.06	5
Guru	1. tidak mendapat kefahaman yang jelas berkaitan dengan aspek kemahiran <i>employability</i>	2.70	1.02	8
	2. tidak mendapat pendedahan berkaitan dengan aspek kemahiran <i>employability</i>	2.67	1.10	9
	3. tidak ada panduan khusus untuk menerapkan aspek kemahiran <i>employability</i> dalam pengajaran	2.97	1.06	6
	4. kesuntukan masa untuk menerapkan aspek kemahiran <i>employability</i> semasa pembelajaran	3.02	1.05	7

Masalah Penerapan Secara Keseluruhan	3.03	.80	
--------------------------------------	------	-----	--

n=30

Rujukan

Ary, D., Jacobs, L.C., and Razavieh, A. (1996). Introduction to Research in Education, 5th Edition. Fort worth, Tx: Harcourt Brace College Publishers.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (1993). Technical and Vocational Education In Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur.

Barton, Paul E., and Kirsch, Irwin S. (1990). Workplace Competencies: The Need To Improve Literacy and Employment Readiness. Policy Perspective Series, Washington, DC: Office of Educational Research and Improvement. (ERIC NO. ED 317 873).

Bloom, Michael R. (1994). Enhancing Employability Skills: Innovative Partnerships, Projects and Programs. The Conference Board of Canada. Report 118-94, April.

Buck, Linda L., & Barrick, R. Kirby.(1987). "They're Trained, But Are They Employable?" Vocational Education Journal, 62(5): 29-31. (ERIC NO. EJ 355 193).

British Columbia Institute of Technology (1994). Employability Skills in Technology Program; Result of a BCIT Survey. Office of the Vice President Education, November.

Cohen, L. dan Manion, L. (1985). Research methods in education. London: Croom-Helm.

Comprehensive Adult Student Assessment System (CASAS) (1995). The Iowa Adult

Basic Skills Survey: Final Report. San Diego. California.

De Leon, J.E. & Borchers, R.E.(1998). "High School Graduate employment Trends and the Skills Graduates Need to Enter Texas Manufacturing Industries. "Journal of Vocational and Technical Education, 15(1): Abstract.

Department of Agriculture Education (1995). Lesson Plan, Teaching for Connection: Critical Thinking Skills, Problem Solving and Academic occupational Competencies. The Ohio State University. U.S.

Fullan, M. (1991). The New Meaning of educational change, 2ed. London: Cassell.

Franenkel, J.R. & Wallen, N.E. (2000). How to design and evaluate research in education, 4rd Edition. New York: McGraw-Hill Publishing Co.

Frantz, Jr. N. R. (1997). The Identification of National Trends and Issues for Workplace Preparation and Their Implications for Vocational Teacher Education. Journal of Vocational and Technical Education, 14(1).

Gainer (1988). ASTD Update: Basic Skills. Alexandria, VA: American Society for Training and Development. (ERIC No.ED 291 882)

Hedges, L. E. (1996). Lesson Plans, Teaching for Connection: Critical Thinking Skills, Problem Solving and Academic Occupational Competencies Department of Agricultural Education. The Ohio State University.

Keeves, J.P. (1988). "Educational Research, Methodology and Measurement: An International Handbook". USA: Pergamon Press.

Kerlinger, F.N. (1986). Foundations of behavioural research. Fort Worth: Holt, Rinehart and Winston.

Krejcie, R.V., & Morgan, D.W. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. Educational and Psychological Measurement, 30: 607-610.

Lankard, B.A. (1990). Employability—the fifth basic skills. Eric Digest No.104. Columbus Ohio: ERIC Clearinghouse on Adult, Career, and Vocational Education. ED 325659.

McLaughlin, M.(1995). Employability skills profile: What are employers looking for? (Report No. CG027011). Ottawa, ON: Canadian Guidance and Counseling Foundation. (ERIC Document Reproduction Service No.ED399484)

McLaughlin, M.(1995). Employability skills profile: What are employers looking for? (Report No. CG027011). Ottawa, ON: Canadian Guidance and Counseling

Foundation. (ERIC Document Reproduction Service No.ED399484)

Mohd. Majid Konting (1994). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.

Saterfiel, Thomas H.; McLarty, Joyce R. (1995). Assessing Employability Skills. (Eric Document Reproduction Service No: ED 391109).

The Conference Board of Canada (1996). Employability Skills Profile: The Critical Skills Required of the Canadian Workforce. The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa Ontario.

The Conference Board of Canada (1996). "Yukon Work Futures: Skills for Today's Workplace". The Corporate Council on Education, a program of the National Business and Education Center. Ottawa, Ontario.

United States. Department of Labor (1991). What Work Requires of Schools; A SCANS Report for America 2000; Executive Summary. The Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills, US Department of Labor, June.